

PROJEK AGROPRENEUR MUDA PERIKANAN DI LANGKAWI, KEDAH

AGROPRENEUR MUDA (UAM)

Unit Agropreneur Muda (UAM) telah ditubuhkan oleh Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani dengan visi bagi melahirkan Agropreneur Muda yang pro-gresif, berdaya saing, kreatif, inovatif dan berpendapatan tinggi di dalam Sector pertanian UAM juga berperanan untuk menggalakkan penyertaan belia di bawah umur 40 tahun dalam bidang keusahawanan tani. Seterusnya menarik generasi belia yang berpotensi untuk mewujudkan generasi pelapis dalam sektor pertanian melalui penyediaan program secara berpakej mencakupi aspek latihan, pembangunan perniagaan dan keusahawanan, penyediaan tapak projek/premis perniagaan, promosi dan pemasaran serta pembiayaan. Penglibatan golongan muda ketika ini adalah rendah sekitar 14%. Golongan muda mempunyai tenaga, idea dan semangat untuk menjayakan aktiviti ekonomi menerusi pertanian. Sasaran pendapatan melalui penyediaan pakej keusahawanan adalah supaya agropreneur memperoleh pendapatan melebihi RM 5,000.00/bulan.



SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MEMOHON SKIM AGROPRENEUR MUDA :

- Rakyat Malaysia berumur 18
- 40 tahun
- Tidak mengira latar belakang pendidikan
- Belia yang baru memulakan Projek, wajib mengikuti program latihan teknikal anjuran Jabatan & Agensi berkaitan
- Keutamaan kepada belia yang mempunyai kemudahan tanah & premis sediada

KEISTIMEWAAN PROGRAM AGROPRENEUR MUDA MOA

- 1) Latihan dan Bimbingan percuma dalam aspek teknikal, kewangan, pemungkusuan dan pemasaran oleh pihak jabatan dan agensi dibawah Kementerian.
- 2) Pembiayaan Mudah daripada AgroBank dan TEKUN Nasional sehingga RM 300,000 tertakluk kepada syarat-syarat sediada AgroBank dan TEKUN.
Geran dalam bentuk In-kind contribution daripada Kementerian sebanyak 30 peratus daripada kos projek akan diberikan kepada pemohon yang layak dalam bentuk peralatan dan input pertanian.
- 3) Pendapatan minimum RM5,000 sebulan menerusi pakej pertanian yang ditawarkan.
- 4) Tumpuan kepada projek pertanian bernilai tinggi dan penggunaan teknologi moden

STATUS PROJEK SLT, LANGKAWI

Program Agropreneur Muda SLT, Langkawi ini melibatkan seramai 10 orang peserta.

- Syarikat Seastock Enterprise terdiri daripada 3 usahawan siswazah sediada telah dipilih sebagai peserta dan juga peneraju kepada siswazah yang lain.

PELAKSANAAN PROJEK 2015

- Status terkini sangkar - Jumlah keseluruhan sangkar sebanyak 122 unit, namun jumlah petak pukat bersaiz 6m x 3m akan menjadi sebanyak 146 unit kerana 34 sangkar bersaiz 6m x 6m telah dipasang dengan 2 unit pukat bersaiz 6m x 3m.
- Bantuan benih 152 ekor kerapu hybrid akan disalurkan—Peringkat permulaan 20 Ribu ekor benih telah dibekalkan pada Julai 2015
- Bantuan makanan ikan (pallet) 75 Tan
- Bantuan makanan ikan (ikan baja) sebanyak 70 tan

SPESIS YANG DITERNAK

- Kerapu Hybrid—dari jenis Cantang & Cantik



JANGKAAN HASIL

Jangkaan hasil peringkat pertama pada bulan Januari 2016 sebanyak 9.1 tan dengan jumlah RM409,500.00

JANGKAAN HASIL SATU PUSINGAN

- Spesis Kerapu Hybrid dari jenis Cantang & Cantik
- Bekalan benih 152,000 ekor
- Kadar penstockan benih 1,100 ekor/sangkar
- Jumlah petak sangkar untuk penstockan 130 daripada 146
- Pemberian makanan Pellet + Ikan baja
- FCR Pellet 1:1.3 (Sehingga saiz 300 gram)
- FCR Ikan baja 1:6 (saiz 300 - 700 gram)
- Kadar hidup 65%
- Saiz pasaran 700 gram
- Jangkaan hasil 69,160 kg
- Harga pasaran RM45/kg
- Pendapatan Kasar RM3,112,200

